

Usah perkecil kerajaan: Nazri

BH - 4/5/2006

Keputusan batal Jambatan Indah perlu dihormati

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz semalam mengingatkan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya tidak memperkecil kepemimpinan sekarang, sebaliknya mengotakan janji beliau untuk tidak mencampuri urusan pentadbiran negara selepas bersara.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir berhubung ketegasan kerajaan membatalkan pembinaan Jambatan Indah menggantikan Tambak Johor, boleh menyebabkan rakyat menganggap kerajaan sekarang tidak berwibawa. Beliau menegaskan beliau bukan berminat menafikan kewibawaan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang membawa kemajuan negara. Mohamed Nazri berkata, beliau sedia bertanggungjawab atas kenyataannya.

Beliau menegaskan, walaupun

menghormati Dr Mahathir sebagai seorang yang banyak berjasa kepada negara, ia tidak bermakna bekas Perdana Menteri itu diberikan 'cek kosong' untuk mengkritik tanpa mengundang jawapan daripada pihak yang mempertikaikan kritiknya, terutama hak kerajaan untuk membela diri.

"Tun silap dalam segala hal (*Tun is wrong on all points*). Tun seorang saja memberi pandangan beliau walhal Kabinet terdiri daripada 32 menteri memberi pandangan sebelum sampai kepada keputusan itu (membatalkan pembinaan Jambatan Indah).

"Apabila Tun mengatakan negara adalah '*half past six with no guts*' (tidak berapa cerdik tanpa keberanian), kenyataan ini dihalakan kepada semua anggota Kabinet," katanya ketika mengulung perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2005 di Dewan Rakyat, di sini semalam.

Terdahulu, ketika perbincangan itu, beberapa Ahli Parlimen seperti Datuk Rosli Mat Hassan (BN-Dungun), Datuk Mohamad Said Yusof (BN-Jasin) dan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timor) meminta JPM memberi penjelasan mengenai kenyataan Dr Mahathir berhubung pembatalan projek berkenaan.

Mohamed Nazri menegaskan, 21 daripada 32 anggota Kabinet sekarang dilantik sendiri oleh Dr Mahathir ketika pentadbirannya. Oleh itu, kata Nazri, beliau tidak fikir kenyataan Dr Mahathir '*half past six with no guts*' itu mencerminkan diri bekas Perdana Menteri itu sendiri.

"Tuduhan Tun bahawa Kabinet hanya berminat menjual pasir adalah tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab oleh bekas pemimpin kerajaan terhadap rakan-rakannya sendiri yang bertungkus-lumus dan setia kepada beliau ketika menjadi Perdana Menteri," katanya.